



KPT tak campur siasatan kes penyelidikan pelajar diambil penyelia di UM

Oleh [Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi](mailto:Shaiful.Shahrin.Ahmad.Pauzi@bh.com.my) - September 3, 2022 @ 11:33am
bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

BAGAN SERAI: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak akan mencampuri siasatan berhubung video tular mengenai seorang pelajar yang juga calon ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Malaya (UM) yang mendakwa hasil penyelidikannya diambil penyelia tanpa kebenaran.

Justeru, Menteriya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata pihaknya menyerahkan sepenuhnya isu terbabit kepada pengurusan UM serta pihak polis untuk menjalankan siasatan.

Beliau berkata, UM juga sebelum ini sudah membuat laporan polis berhubung dakwaan pelajar berkenaan.

"Saya rasa eloklah kita tunggu laporan daripada polis dan siasatan yang dilakukan berkaitan perkara berkenaan.

"Sebabnya UM sudah hantar laporan dan menyatakan bahawa dia (pelajar) telah membuat laporan polis berkaitan dakwaan itu.

"Kita serahkan kepada universiti sebab universiti mempunyai autonomi masing-masing," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Penutupan Karnival Komuniti di Kolej Komuniti Bagan Serai di sini hari ini.

Terdahulu media melaporkan UM membuat laporan polis susulan video tular di media sosial mengenai pelajar dari Yaman berusia 34 tahun yang mendakwa hasil penyelidikannya diambil penyelia tanpa kebenaran.

Pejabat Komunikasi Korporat UM memaklumkan, laporan polis dibuat di Brickfields itu bertujuan menafikan dakwaan dibuat pelajar itu.

Selain itu, pihak universiti turut mengkaji tindakan perundangan bersesuaian terhadap pelajar antarabangsa berkenaan.